Sinar Harian

# PM cetus lembaran baharu hubungan Malaysia-Indonesia

18 Ogos 2022 01:39pm



Ismail Sabri membuka lembaran baharu dalam hubungan dua negara serumpun Malaysia-Indonesia dengan lawatan sulung beliau ke Jakarta pada 10 November 2021. - Gambar fail

JAKARTA - Penganalisis dan media di Indonesia serta diplomat Malaysia melihat Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebagai berhemah dan pragmatik dalam memperkukuh hubungan ekonomi, sosial dan budaya antara kedua-dua negara itu.

Malah, hasil usaha beliau dilihat memberangsangkan walaupun dalam tempoh singkat kurang setahun selepas dilantik sebagai Perdana Menteri (PM) Malaysia ke-9.

Usaha membuka lembaran baharu dalam hubungan dua negara serumpun itu bermula dengan lawatan sulung beliau ke Jakarta pada 10 November 2021, untuk bertemu Presiden Joko Widodo.

"Kita lihat hubungan dua negara, seumpama adik-beradik, sedang dikendalikan dengan baik oleh PM Ismail Sabri dan hubungan antara masyarakat kedua-dua negara saat ini masih terkawal," kata pakar komunikasi dan politik, Hendri Satrio akan hubungan diplomatik dua negara itu yang menjangkau 65 tahun pada tahun ini.

Sentimen negatif timbul seketika apabila Indonesia menghentikan kemasukan pekerja warganegaranya ke Malaysia pada Julai dan Malaysia menyatakan masih mempunyai 15 negara sumber buruh yang lain, namun akhirnya dapat diselesaikan dengan baik, katanya.

Dengan semua masalah diatasi, pensyarah Universiti Paramadina di Jakarta Selatan itu merasakan, "Indonesia mempunyai hubungan yang sangat mesra dengan Malaysia saat ini."

Hendri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai prestasi Ismail Sabri sejak mengambil alih kepimpinan Malaysia pada 20 Ogos lepas di tengah-tengah lonjakan wabak COVID-19.

Presiden Ikatan Setiakawan Wartawan Malaysia-Indonesia (ISWAMI) Indonesia, Asro Kamal Rokan berkat, PM Malaysia itu sentiasa memperlihatkan komitmen untuk memperkuat hubungan dua negara.

Presiden Ikatan Setiakawan Wartawan Malaysia-Indonesia (ISWAMI) Indonesia, Asro Kamal Rokan berkat, PM Malaysia itu sentiasa memperlihatkan komitmen untuk memperkuat hubungan dua negara.

Sementara itu, Kuasa Usaha Sementara Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Adlan Mohd Shaffieq berkata, dua kali lawatan ke Indonesia dalam tempoh empat bulan membawa hubungan kedua-dua negara ke tahap baharu.

Di bawah kepimpinan Ismail Sabri, memorandum persefahaman (MoU) bagi pengambilan dan perlindungan pekhidmat domestik Indonesia (PDI) yang lama tertangguh ditandatangani.

"PM melawat kilang produk ketenteraan Indonesia, PT Pindad di Bandung tahun lepas dan mendorong kerjasama pertahanan, hasilnya MoU pertahanan termeterai minggu lepas," kata Adlan.

Kini, kerjasama Malaysia-Indonesia berkembang sama ada dalam sektor ekonomi, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan menangani naratif negatif terhadap minyak sawit.

"Hubungan yang baik antara kedua membolehkan banyak syarikat Malaysia berjaya menembusi pasaran Indonesia dan juga syarikat-syarikat Indonesia ke Malaysia," katanya. - Bernama